

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**UJIAN BERTULIS PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2021**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa ujian bertulis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 akan dilaksanakan pada **02 Mac hingga 29 Mac 2022**. Seramai **407,097** calon akan menduduki ujian bertulis peperiksaan SPM tahun 2021 di **3,382** pusat peperiksaan di seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan ini, seramai **50,514** petugas peperiksaan telah dilantik.

LP ingin mengingatkan semua calon agar merujuk jadual waktu ujian bertulis peperiksaan SPM 2021 untuk maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun dari portal rasmi LP di <http://lp.moe.gov.my>

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi **Garis Panduan Pengurusan**

Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0** yang dikeluarkan oleh KPM serta prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ketetapan ini adalah bagi memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan dan pencegahan penularan wabak COVID-19. Garis panduan tersebut boleh dimuat turun dari portal rasmi KPM di <https://www.moe.gov.my>

– TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

28 FEBRUARI 2022